



Masidi (empat dari kanan) menyempurnakan majlis perasmian UMS-EVIC yang turut dihadiri Prof Mohd Harun (lima dari kanan).



info

UMS-EVIC

- Dibangunkan mulai Julai 2015.
- Bahagian utama meliputi kaunter tiket, galeri, kedai cenderamata dan kafe.
- Aktiviti ditawarkan ialah lawatan galeri dan muzium, melihat matahari terbenam, nature delight tour, architecture heritage tour dan nature education camp.

Masidi (dua dari kanan)

meneliti buku cenderamata selepas merasmikan UMS-EVIC sambil diperhatikan Prof Mohd Harun (dua dari kiri).

UMS jadi lokasi tarikan pelancongan

BH 18.8.2016 V3

Oleh Mohd Nazlie Zainul
bhvarsiti@bh.com.my

■ Kota Kinabalu

Dalam usaha menjadikan kawasan kampus sebagai antara lokasi pelancongan menarik di Negeri di Bawah Bayu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) merasmikan UMS-Eco-Campus Visitor Information Centre (UMS-EVIC), baru-baru ini.

Pusat maklumat terletak di sebuah makmal

di Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS itu bertujuan memudahkan pengunjung, termasuk pelancong antarabangsa mendapatkan informasi sekiranya berminat melihat persekitaran universiti atau melakukan aktiviti berdasarkan pelancongan ditawarkan UMS.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata pembukaan UMS-EVIC itu adalah satu lagi langkah universiti awam (UA) berkenaan membina nama dalam bidang pelancongan.

Beliau berkata, UMS

sudah terkenal sebagai antara tempat sering dilawati pelancong, namun perlu dipergiat menerusi penawaran lebih banyak aktiviti.

Syar bina hotel

“Sebagai permulaan, kami mengubah suai ruang sebuah makmal di Fakulti Sains dan Sumber Alam untuk dijadikan pusat informasi. Ruang itu terdiri daripada beberapa bahagian utama seperti kaunter tiket, galeri, kedai cenderamata dan kafe bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

“Aktiviti ditawarkan ialah lawatan galeri dan muzium, ‘nature delight tour’, ‘architecture heritage tour’, melihat matahari terbenam dan ‘nature education camp,’ katanya pada majlis perasmian UMS-EVIC yang disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun.

Yang turut hadir ialah Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS, Prof Madya Dr Justin Sentian.

Sementara itu, Masidi mencadangkan UMS membina hotel di

dalam kawasan kampus sebagai fasiliti untuk aktiviti pelancongan dan peluang latihan praktikal kepada pelajarinya.

Beliau berkata, pembinaan hotel di universiti itu bakal memudahkan pelancong yang bercadang mengikuti semua aktiviti disediakan di UMS.

Jana pendapatan

“Perkhidmatan perhotelan, khususnya di Sabah, dilihat sebagai perniagaan yang mampu memberi pulangan lumayan, malah hotel bertaraf lima bintang

di Sabah antara termahal di Malaysia.

“Saya lihat walaupun ada hotel menawarkan harga mahal, tetapi tetap menjadi pilihan pelancong dan ini peluang terbaik bagi UMS menjana pendapatan, selain memudahkan pengunjung.

“UMS juga boleh melaksanakan program melawat kawasan kampus tanpa menggunakan kenderaan untuk mengurangkan pencemaran memandangkan universiti ini adalah pusat pengajian ekokampus,” katanya.